

01/06/2005

Abdullah-Rumah

LEBIH BANYAK RUMAH UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan membina lebih banyak rumah bagi kakitangan kerajaan serta anggota pasukan polis dan tentera dalam usaha membantu merangsangkan semula sektor pembinaan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata jumlah rumah yang akan dibina masih belum dapat dipastikan lagi kerana ianya bergantung kepada keperluan jabatan-jabatan berkenaan serta pasukan polis dan tentera.

Rumah-rumah itu akan dibina oleh kerajaan dan disewakan kepada kakitangan awam serta anggota pasukan polis dan tentera, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Abdullah berharap langkah itu akan dapat merancakkan semula sektor pembinaan di negara ini yang didapati kian menguncup sungguhpun ekonomi negara berkembang.

"Justeru dengan keputusan membina rumah pegawai serta kakitangan kerajaan, polis dan tentera dengan banyak...kita belum anggarkan lagi sebanyak mana... maka ia akan jadi satu tindakan yang akan bantu merangsangkan semula sektor pembinaan," katanya.

Abdullah juga berkata beliau telah memberi penerangan kepada anggota MT mengenai keputusan kabinet yang bersetuju secara prinsipnya mengurangkan hari bekerja kakitangan kerajaan kepada lima hari seminggu serta pemberian elaun sara hidup (cola).

Ketika mengumumkan perkara itu pada Isnin lepas, Abdullah berkata beliau bersetuju dengan pandangan Cuepacs bahawa bekerja lima hari seminggu, akan menyumbang kepada institusi kekeluargaan yang lebih utuh serta meningkatkan pelancongan domestik.

Mengenai usaha memerangi rasuah Abdullah mengulangi bahawa usaha itu terus menjadi keutamaan pentadbirannya sebagai kesinambungan kepada usaha yang dijalankan ketika pentadbiran bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir mengenai cara bekas Perdana Menteri itu memerangi rasuah, Abdullah berkata " Apa yang Tun Mahathir sebutkan ialah satu ingatan daripada bekas Perdana Menteri yang pada zamannya juga memerangi rasuah. Ini satu tindakan berterusan.

"Tun Mahathir sendiri telah beri penjelasan..itu datangnya daripada beliau sendiri dan dengan pandangan itu tiada apa yang perlu diungkit," kata Abdullah.

Abdullah berkata kerajaan semenangnya bersungguh-sungguh dalam usaha memerangi rasuah dan telah mengambil banyak tindakan pencegahan termasuk memberi peruntukan lebih besar kepada Badan Pencegah Rasuah bagi meningkatkan kecekapannya.

"Ini termasuk menerima cadangan BPR untuk menubuhkan unit yang dianggotai pakar perakauan dan audit," katanya.

Abdullah berkata kerajaan juga telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia yang berperanan memberi penerangan kepada pegawai serta kakitangan kerajaan tentang keburukan gejala rasuah agar mereka sentiasa menjauhinya.

Kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengurangkan karenah birokrasi di jabatan-jabatan kerajaan agar masa menunggu bagi mereka yang memohon sesuatu projek dapat dipercepatkan dalam usaha mengelakkan kemungkinan berlakunya perbuatan rasuah.

Beliau berkata kerajaan telah mewujudkan suruhanjaya bagi memerangi

gejala rasuah di kalangan anggota polis dan sebuah jawatankuasa bertindak yang dipengerusikan oleh beliau sendiri telah ditubuhkan bagi melaksanakan syor yang dikemukakan oleh suruhanjaya itu.

"Saya percaya dengan tindakan yang diambil itu akan dapat mengurangkan rasuah dalam kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

AKT JM PR